



PETUGAS membersihkan laluan Terowong SMART, semalam.

Terowong SMART dibersih

KUALA LUMPUR: Kerja pembersihan dan baik pulih sistem kawalan banjir Terowong SMART yang ditutup kepada lalu lintas mulai jam 6.11 petang Sabtu lalu, sedang giat dijalankan dan hanya akan dibuka semula sebaik mendapat kebenaran Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM).

Ketua Pegawai Operasi Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd, Mohd Fuad Kamal Ariffin, berkata terowong berkenaan diarahkan tutup oleh Pusat Kawalan SMART Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berikutan pelepasan air banjir ke dalam takungan Terowong SMART.

"SMART sekali lagi berjaya menyelamatkan Kuala Lumpur daripada banjir besar dan pengaliran air ke terowong berjalan lancar serta

tidak membabitkan sebarang kejadian tidak diingini.

"Operasi kali ini adalah aliran air paling besar dialirkan ke dalam terowong, berbanding aliran sebelum ini.

"Kita menjangkakan operasi pembersihan mengambil masa empat hingga lima jam bergantung kepada paras air di kolam takungan dan Sungai Kerayong serta keadaan cuaca.



SMART sekali lagi berjaya menyelamatkan Kuala Lumpur daripada banjir besar

Mohd Fuad Kamal Ariffin

Ketua Pegawai Operasi
Mengurus Air Banjir dan
Terowong Sdn Bhd

"Selepas itu, kami perlu mendapatkan kelulusan LLM untuk membuka kembali lebuh raya kepada orang awam," katanya pada sidang media sempena tinjauan khas di terowong berkenaan, di sini, semalam.

Kerja pembersihan dan mengepam air keluar dilakukan oleh 80 pekerja secara manual kerana kaedah itu lebih cepat dan berkesan kerana lumpur yang tebal serta sampah yang banyak hingga memenuhi setiap lampu yang terdapat di sana.

"Status Terowong SMART juga boleh diikuti melalui laman sesawang SMART di www.smarttunnel.com.my, [twitter@smarttunnel](https://twitter.com/smarttunnel) atau "Smart Tunnel" di laman Facebook dan menghubungi talian bantuan SMART 1300-88-7188," katanya.